

SOALAN NO: 174

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YB PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR  
[LEMBAH PANTAI]  
SOALAN : 174**

**YB Puan Nurul Izzah binti Anwar [ Lembah Pantai ] minta MENTERI  
KESIHATAN menyatakan:-**

- a) jumlah pengunjung di klinik kesihatan Kerajaan berbanding klinik 1Malaysia mengikut suku dari tahun 2014 hingga September 2017 dan
- b) perancangan pihak Kerajaan untuk menambah bilangan doktor Kerajaan di klinik kesihatan seluruh Malaysia

**Tuan Yang di-Pertua,**

Sehingga Jun 2017, terdapat sejumlah 3,227 fasiliti kesihatan primer di seluruh negara yang terdiri daripada 972 buah klinik kesihatan, 94 buah Klinik Kesihatan Ibu & Anak, 1,800 buah Klinik Desa dan 361 buah Klinik 1Malaysia.

- b) Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, menjelang tahun 2020, bilangan penjaja yang diunjurkan oleh DBKL adalah 15,700 penjaja. Berdasarkan sumber dan kedudukan tanah kosong sedia ada, DBKL perlu mengadakan 2557 unit penjaja bagi menempatkan penjaja-penjaja tepi jalan yang melibatkan kos sebanyak RM 260 juta (tanpa mengambil kira kos tanah sebanyak 100 ekar). Kos keseluruhan yang dianggarkan terlibat adalah sebanyak RM1.13 bilion.

Buat masa ini telah ada 6 pusat penjaja yang diselia oleh DBKL di kawasan Lembah Pantai. DBKL masih mengenalpasti lokasi-lokasi yang sesuai samada untuk pembinaan baru atau pembangunan semula gerai penjaja yang melibatkan penambahan bilangan gerai.

Di samping itu terdapat juga pusat-pusat penjaja swasta yang dibina di dalam bangunan-bangunan milik swasta yang telah disyaratkan dalam Perintah Pembangunan untuk dibina dan disyaratkan juga kepada mereka agar pengisian penjaja mestilah melalui DBKL. Maka adalah menjadi harapan KWP agar syarat ini dipatuhi bagi membantu DBKL melaksanakan transformasi penjaja menjelang 2020 kelak.

3. Pembinaan pusat penjaja akan melibatkan kos yang tinggi kepada Pentadbiran DBKL; dan
4. DBKL akan memerlukan kos bagi penyelenggaraan bangunan pusat penjaja.

### **FAEDAH**

1. Penjaja akan berniaga dengan lebih teratur, kemas dan bersih;
2. Penjaja lebih mudah diselia dan diselenggara;
3. Peningkatan imej penjaja dan Pihak Berkuasa Tempatan;
4. Pelanggan mendapat perkhidmatan yang lebih selesa; dan
5. Secara tidak langsung akan meningkatkan pendapatan penjaja.

Demi kemakmuran ekonomi rakyat, KWP telah mengambil langkah secara berhati-hati dan prihatin dengan masalah warga kota terutamanya warga kota yang melibatkan diri dalam aktiviti penjajaan untuk mendapatkan pendapatan tetap keluarga atau tambahan. Maka, KWP dan DBKL telah merancang transformasi penjaja tepi jalan dengan beberapa kaedah iaitu:

1. Menaiktaraf Gerai Tepi Jalan Secara '*in-situ*';
2. Melaksanakan Penempatan Penjaja Tepi Jalan Ke Dalam Bangunan Atau Ke Lokasi Lebih Sesuai (melalui pembinaan pusat penjaja sementara);
3. Menukar Konsep Perniagaan Tepi Jalan Kepada Konsep Bergerak Menggunakan Kendera Saji '*Food Truck*'; dan
4. Tindakan Pencegahan Dan Penguatkuasaan Ke Atas Penjaja Tepi Jalan.

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Lembah Pantai, hasrat Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah **Kuala Lumpur Sifar Penjaja Tepi Jalan menjelang tahun 2020** dan bukan seperti yang disalahertikan oleh Yang Berhormat iaitu Bebas Penjaja 2020. Dalam rekod DBKL, terdapat 67,812 penjaja dengan pelbagai kategori seperti Penjaja Pasar dan Pusat Penjaja, Penjaja Pasar Pagi, Penjaja Pasar Malam, Penjaja Beredar dan juga **Penjaja Tepi Jalan**. Apa yang dimaksudkan sebagai penjaja tepi jalan adalah penjaja yang menjalankan aktiviti perniagaan secara statik atau sementara ditepi-tepi jalan seperti di bahu jalan dan siar kaki. Daripada jumlah besar tersebut, terdapat seramai **12,221 penjaja tepi jalan** sekitar bandaraya Kuala Lumpur ketika ini.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, kewujudan penjaja tepi jalan ini telah menimbulkan beberapa isu seperti kekotoran, halangan lalulintas termasuk penglibatan warga asing sebagai penjaja. Imej Kuala Lumpur juga menjadi kurang baik apabila penjaja-penjaja ini tidak dikawal dan disusun dengan baik. Secara **analisanya** DBKL mendapati bahawa **Rancangan Sifar Penjaja Tepi Jalan** ini boleh memberi kesan kos dan faedah seperti berikut:-

**KESAN KOS**

1. Penjaja akan dikenakan sewa apabila berpindah ke dalam bangunan;
2. Penjaja akan dikawal dan diselia berdasarkan peraturan-peraturan yang ditetapkan;